

## PPR(SK) 1018(G) JLD1 (8)

**KENYATAAN SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

1. Tawaran Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat berdaftar dan orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut;

Bil/ Kod Tawaran	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebutharga(10%) (RM)
001	Toyota Land Cruiser No.Pendaftaran : QSG 3118	1	8,000.00	800.00

2. Aset kenderaan boleh dilihat pada 19 hingga 30 September 2024 di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di parkir Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93300, Kuching, Sarawak.

3. Tawaran sah bagi tempoh **90 hari**. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut harga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28)** dan boleh diperolehi secara percuma di lokasi seperti berikut:-

Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak  
Tingkat 11, Bangunan Sultan Iskandar  
93300 Kuching, Sarawak.  
Pegawai Bertanggungjawab : En Aziz Bin Mohamad  
Telefon : 082-442312

4. Sampul surat Dokumen Tawaran Sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar ke **Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak, Tingkat 11, Bangunan Sultan Iskandar, 93300, Kuching, Sarawak.Tarikh tutup tawaran: 30 September 2024, 12.00 tengah hari.**

5. Hanya Dokumen Tawaran Sebut harga yang lengkap sahaja yang akan dipertimbangkan dan Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Tawaran Sebut harga ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada Syarat Dan Peraturan Sebut Harga Pelupusan Kenderaan seperti di Lampiran dan petender adalah dinasihatkan agar **membaca dengan teliti, memahami dan mematuhi** semua Syarat Dan Peraturan Sebut Harga seperti yang telah ditetapkan tersebut.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA PELUPUSAN KENDERAAN PEJABAT PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK	
1	Semua aset kenderaan tersebut akan dijual tertakluk kepada harga simpanan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan juga harga kenaan cukai kastam oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang perlu dibayar oleh penyebut harga sebelum proses pertukaran hakmilik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
2	Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga <b>sebanyak 10%</b> daripada harga tawaran. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk draf bank sahaja atas nama PEJABAT PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK yang perlu disertakan bersama-sama Dokumen Tawaran Sebut harga dan juga dokumen lampiran yang berkaitan. (bayaran secara <b>Tunai/Wang Pos/Cek dan lain-lain</b> adalah tidak diterima)
3	Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4	Dokumen tawaran petender bagi setiap kenderaan <b>wajib</b> disertakan Borang Tuntutan Cagaran dan Borang Pendaftaran Maklumat Syarikat / Individu yang telah lengkap diisi dan dilampirkan bersama <b>salinan kad pengenalan, penyata bank dan salinan sijil SSM (syarikat sahaja)</b> .
5	Aset kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis) dan pihak Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang dijual tersebut.
6	Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset kenderaan seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut keluar dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7	Sekiranya penyebut harga tidak mendapat sebarang jawapan atau maklumbalas daripada Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak dalam tempoh <b>6 bulan</b> daripada tarikh iklan ditutup, maka tawaran petender dianggap tidak berjaya dan pemulangan wang cagaran deposit akan dibuat kepada penyebut harga dalam tempoh yang sama
8	Hanya penyebut harga yang berjaya sahaja yang akan dihubungi dan dikehendaki membuat pembayaran penuh dalam tempoh <b>7 hari bekerja</b> dari tarikh pemberitahuan keputusan / surat tawaran penjualan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tawaran penjualan akan terbatal dan deposit sebut harga juga tidak akan dikembalikan.
9	Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil / membawa keluar aset tersebut dari premis PEJABAT PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK dalam tempoh <b>14 hari</b> bekerja dari tarikh bayaran penuh dibuat dan seterusnya menguruskan urusan PUSPAKOM (sekiranya berkaitan) bagi keperluan urusan selanjutnya (pertukaran hakmilik).

10	<p>Urusan pertukaran hakmilik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) oleh PEJABAT PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK adalah tertakluk kepada penyelesaian urusan PUSPAKOM oleh penyebut harga. (sekiranya berkaitan). Penyebut harga akan dimaklumkan untuk membuat urusan 'thumbprint' pemunya baru di JPJ (slip pengesahan tukar hakmilik JPJ akan diberikan) setelah urusan 'thumbprint' pemunya lama (PEJABAT PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK ) selesai di JPJ.</p>
----	---